

# Abdullah gariskan panduan kejayaan RMK9

**KUALA LUMPUR** -Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggariskan beberapa kejayaan yang menurutnya, dicapai dalam tempoh dua tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9).

“Ia termasuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara pada kadar yang membanggakan 6.1 peratus setahun,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK9 di Dewan Rakyat semalam.

Sementara itu, kejayaan lain yang menaikkan kualiti hidup rakyat ialah peningkatan pendapatan per kapita daripada RM18,840 pada tahun 2005 kepada RM23,066 pada 2007, pengurangan defisit fiskal negara dari 3.6 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2005, kepada 3.2 peratus pada 2007 dan meneroka sumber pertumbuhan baru dan meningkatkan produktiviti pekerja,” katanya.

“Selain itu, kualiti dan akses kepada sistem pendidikan negara ditingkatkan melalui pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan kadar kemiskinan keseluruhan dikurangkan dari 5.7 peratus pada 2004 kepada 3.6 peratus pada 2007,” tambahnya.

Abdullah berkata, ke-



**ABDULLAH AHMAD BADAWI**

miskinan tegar pula menyusut dari 1.2 peratus kepada 0.7 peratus pada 2007 dan ia mengurangkan jurang ekonomi antara kumpulan etnik, antara wilayah dan antara bandar dan luar bandar.

Menurut Abdullah, kejayaan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam adalah termasuk menggantikan Sijil Layak Menduduki (CF) daripada pihak kerajaan tempatan dengan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

“Jelaslah bahawa pencapaian dalam tempoh masa pelaksanaan RMK9 setakat ini bukan hanya terbatas kepada perancangan mahupun retorik semata-mata, tetapi terjelma dalam pencapaian yang hakiki,” katanya.